



KERAJAAN MALAYSIA

**Tuntutan Elaun Dan Bayaran Untuk Isteri/Suami
Pegawai Yang Dikehendaki Mengiringi Pegawai
Bagi Menghadiri Majlis-Majlis Rasmi**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

ELAUN DAN BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM	2
WP 1.1/2013 Tuntutan Elaun Dan Bayaran Untuk Isteri/Suami Pegawai Yang Dikehendaki Mengiringi Pegawai Bagi Menghadiri Majlis-Majlis Rasmi.....	2
1. Tujuan.....	2
2. Latar Belakang.....	2
3. Syarat-Syarat Menuntut Elaun Dan Bayaran.....	2

ELAUN DAN BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

WP 1.1/2013 Tuntutan Elaun Dan Bayaran Untuk Isteri/Suami Pegawai Yang Dikehendaki Mengiringi Pegawai Bagi Menghadiri Majlis-Majlis Rasmi

1. Tujuan

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan peruntukan bagi pegawai-pegawai yang dikehendaki menyertai lawatan rasmi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah dibenarkan menuntut elaun dan bayaran mengikut kelayakan pegawai semasa bertugas rasmi bagi pihak isteri/suami yang perlu mengiringi pegawai semasa melakukan lawatan rasmi.

2. Latar Belakang

- 2.1 Pada masa ini, tuntutan-tuntutan elaun dan bayaran oleh pegawai yang menjalankan tugas rasmi adalah berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan di bawah Perintah Am Bab B. Walau bagaimanapun, Perintah Am tidak memperuntukkan apa-apa peraturan mengenai kelayakan isteri/suami pegawai bagi menuntut elaun-elaun dan bayaran-bayaran mengikut kelayakan pegawai semasa mengiringi pegawai melakukan lawatan rasmi.

3. Syarat-Syarat Menuntut Elaun Dan Bayaran

- 3.1 Pegawai-pegawai dibenarkan menuntut elaun dan bayaran mengikut kelayakan pegawai bagi pihak isteri/suami yang mengiringi pegawai semasa melakukan lawatan rasmi seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4/2013 atau pindaannya, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

3.1.1 majlis/upacara rasmi yang diiktiraf bagi tujuan membentarkan tuntutan seperti ini adalah bagi menyertai lawatan rasmi di peringkat Persekutuan yang melibatkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan di peringkat Negeri yang melibatkan Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan/Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri-Negeri/Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar/Ketua-Ketua Menteri; dan

3.1.2 hanya Ketua Setiausaha Negara, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah (atau wakil masing-masing) yang dititah/diarah dan dikehendaki membawa isteri/suami bagi menyertai lawatan rasmi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah yang berkenaan, dibenarkan membuat tuntutan berkaitan dengan lawatan rasmi itu.